



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/89 (HQ)

TNB ILSAS SEBAGAI *CITY & GUILDS APPROVED CENTRE*

City & Guilds telah memberikan akreditasi terhadap sembilan program latihan teknikal anjuran TNB Integrated Learning Solution (ILSAS), menjadikan ILSAS sebagai pusat latihan terbesar pertama negara yang memperolehi akreditasi dari badan pentaulahan pendidikan kemahiran antarabangsa itu.

Pengiktirafan sebagai *City and Guilds Approved Centre* tersebut membolehkan anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) tersebut menganugerahkan sijil *City & Guilds* kepada peserta yang lulus ujian penilaian akhir untuk program-program teknikal merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian.

“Akreditasi ini adalah pengiktirafan antarabangsa yang penting bagi membolehkan latihan dan kursus ILSAS menjadi lebih dikenali, seterusnya menembusi pasaran global dan bersaing di peringkat dunia,” kata Pengarah Urusan TNB ILSAS, Dato’ Ir. Abdul Aziz Jaafar.

Jelas beliau, akreditasi *City & Guilds* menilai program-program anjuran ILSAS berdasarkan penanda aras ditetapkan bagi memastikan program berkenaan memenuhi standard atau piawai akreditasi *City & Guilds*.

“Akreditasi *City & Guilds* hanya dianugerahkan kepada program-program berkualiti tinggi, justeru ini membuktikan komitmen ILSAS terhadap kecemerlangan dan kesediaan untuk bersaing di peringkat global,” kata Ir. Abdul Aziz.

City & Guilds ditubuhkan sejak tahun 1878 di United Kingdom dan merupakan peneraju global dalam pendidikan kemahiran. Badan itu membangunkan program & teknologi pembelajaran, pensijilan dan penilaian untuk kolej, penyedia latihan dan kerajaan yang meliputi 26 industri, melalui 10,000 pusat latihan di seluruh dunia.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1976, ILSAS telah memberikan latihan kepada lebih 500,000 orang peserta termasuk dari luar negara antaranya Indonesia, Singapura, Cambodia, Filipina, Brunei, Vietnam, Timor Leste, Pakistan, Mauritius, Nepal, Uganda, Sri Lanka dan Sudan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 November 2017, jam 4.30 petang

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*